

SEJARAH

Bab 5 - 6

SOALAN OBJEKTIF

Jawab semua soalan.

BAHAGIAN A

- 1 Mengapakah sistem kesukuan dilaksanakan oleh masyarakat tempatan Sarawak dan Sabah?
- Supaya keturunan mereka tidak pupus
 - Untuk memastikan tidak ada perkahwinan dengan suku yang lain
 - Supaya ketua masyarakat suku ini tetap menjadi penasihat kepada suku mereka
 - Menjadi asas yang penting sebagai pegangan dan kepatuhan kepada adat mereka

- 2 Apakah bentuk sistem pentadbiran yang dilaksanakan oleh masyarakat Sarawak dan Sabah sebelum kedatangan kuasa Barat?
- Demokrasi
 - Kesultanan
 - Kesukuan
 - Komunisme

- 3 Jadual berikut menunjukkan gelaran ketua masyarakat dalam sistem kesukuan Sarawak.

Suku	Gelaran Ketua Masyarakat
Melanau	Menteri
Bidayuh	X

Gelaran X ialah

- Tok Batin
- Tua Kapung
- Tuai Rumah
- Kelunan Maren

- 4 Dalam sistem kesukuan di Sabah, sistem pemerintahan mengandungi Majlis Kampung dan Tukang-tukang Adat.

Apakah peranan Majlis Kampung?

- Melakukan adat untuk elakkan bencana
- Bertindak menyelesaikan pertikaian anak buah
- Memastikan keharmonian masyarakat berkekalan
- Membantu Orang Tua dalam pengurusan adat dan kehidupan seharian

- 5 Apakah tugas mereka dalam sistem kesukuan Sarawak?

- Menteri
- Peran lepo
- Tua Kapung
- Tuai Rumah

- Pawang
- Ketua masyarakat
- Penasihat rumah panjang
- Pemegang adat masyarakat

- 6 Sistem pemerintah Sarawak dipengaruhi oleh pentadbiran Kesultanan Brunei yang dipecahkan kepada tiga bahagian, iaitu Sungai Kuripan,

- Sungai Tulin
- Sungai Kerajaan
- Sungai Batang Lupar
- Sungai Kinabatangan

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

7 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di Sabah.

- Ketua Bebas yang terkenal ialah Syarif Osman
- Ketua bebas mempunyai pertalian keluarga dengan Sultan Brunei

Antara tugas Ketua Bebas di Sabah ialah

- I penasihat kepada sultan
- II bertindak sebagai pawang untuk tujuan perubahan
- III menjalankan pentadbiran di kawasan sendiri
- IV bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang sendiri di kawasan pentadbiran mereka

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


8 Siapakah yang dihantar oleh Sultan Brunei untuk menyelesaikan masalah pentadbiran di Sarawak?

- A Datu Patinggi Ali
- B Raja James Brooke
- C Pangiran Indera Mahkota
- D Pangiran Raja Muda Hashim

9 Apakah kesilapan yang dilakukan oleh Pangiran Raja Muda Hashim dalam menyelesaikan masalah pentadbiran di Sarawak?

- A Memaksa Pangiran Indera Mahkota meletakkan jawatan yang menyebabkan Sultan Brunei murka
- B Menghukum Datu Patinggi Ali sehingga menyebabkan orang Melayu Sarawak memberontak
- C Menawarkan Sarawak kepada James Brooke tanpa berunding dengan Sultan Brunei jika berjaya menewaskan Datu Patinggi Ali
- D Tidak bertindak untuk berunding terlebih dahulu dengan Datu Patinggi Ali yang membantah kekejaman Pangiran Indera Mahkota

10 Peta berikut menunjukkan peluasan kuasa dinasti Brooke.



Apakah peristiwa yang berlaku di X?

- A Penentangan orang Iban terhadap James Brooke
- B Orang Kayan yang mendiami kawasan tersebut menentang kesultanan Brunei
- C James Brooke membayar 6 000 Dolar Sepanyol kepada Sultan Brunei kerana bersetuju menyerahkan Batang Lupa
- D Sultan Brunei kehilangan Batang Lupa setelah menerima ugutan daripada James Brooke yang dibantu oleh tentera British

11 Sabah kaya dengan hasil ekonomi yang mendorong kuasa asing untuk menguasai ekonomi Sabah.

Apakah hasil tersebut?

- | | |
|------------|------------------|
| I Sagu | III Lada hitam |
| II Emas | IV Sarang burung |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

12 Apakah sebab utama yang menyebabkan British terpaksa meninggalkan Pulau Balambangan pada November 1805?

- A Malaria
- B Penyakit taun
- C Serangan lanun
- D Kekurangan bekalan makanan

13 Apakah syarat yang perlu dipatuhi oleh Syarikat Borneo Utara British untuk mendapatkan Piagam Diraja?


- A Mengagihkan kekayaan ekonomi dengan peribumi Sabah
- B Melantik pemimpin tempatan dalam urusan pentadbiran Syarikat Borneo Utara British
- C Mempertahankan dan menghormati masyarakat peribumi Sabah
- D Menghormati tugas Ketua Anak Negeri sebagai hakim di Mahkamah Anak Negeri

- 14 Mengapakah British menggubal enakmen dan undang-undang untuk menguasai bijih timah?
- A Tidak mahu bersaing dengan kuasa Barat yang lain
 - B Permintaan bijih timah yang tinggi di pasaran dunia
 - C Terdapat ramai pelombong yang dibawa masuk dari China
 - D Menghalang pembesar Melayu daripada menguasai perlombongan bijih timah

- 15 Kaum apakah yang mengusahakan perlombongan emas di Sungai Segama, Sabah?
- A Cina
 - B Eropah
 - C Melayu
 - D Kadazan

- 16 Apakah punca yang menyebabkan kejatuhan harga kopi di pasaran dunia pada penghujung abad ke-19?
- A Tanaman teh mula diusahakan untuk menggantikan kopi
 - B Kopi tidak sesuai untuk ditanam secara perladangan di negara kita
 - C Mendapat saingan daripada penanaman kopi oleh Belanda di Indonesia
 - D Serangan penyakit dan pengeluaran kopi secara berlebihan dari Brazil

- 17 Gambar berikut menunjukkan tokoh yang memperkenalkan teknik torehan ibedem.



Mengapakah beliau memperkenalkan teknik tersebut?

- A Untuk mengeluarkan susu yang lebih banyak
- B Mampu untuk memanjangkan hayat pokok getah
- C Pokok getah dapat ditoreh walaupun pada musim hujan
- D Banyak pokok getah dapat ditoreh dalam masa yang singkat

- 18 Apakah sebab British hanya menggalakkan penduduk tempatan mengusahakan tanaman padi?

- A Mengelakkan penduduk tempatan bersaing dengan pelabur Eropah
- B Penduduk tempatan tidak mahir melombong bijih timah dan menoreh getah
- C British tidak mahu orang Melayu dan Cina terlibat dalam sektor yang sama
- D British mahu membawa masuk orang Cina dan India untuk mengimbangi komposisi kaum di Tanah Melayu

- 19 Apakah kesan jangka panjang apabila Majlis Mesyuarat Persekutuan meluluskan Akta Tanah Simpanan Melayu pada tahun 1913?

- A British dapat memonopoli hak milik tanah orang Melayu
- B Mengelakkan orang Cina dan orang India menguasai perlombongan dan perladangan
- C British tidak mahu tanah kawasan pertanian diubah suai menjadi tanah ladang untuk tanaman getah
- D Tanah orang Melayu tidak boleh dijual, dipajak gadai atau dipindah milik kepada orang bukan Melayu

- 20 Apakah faktor British membuka pelabuhan baharu untuk menggantikan pelabuhan lama kerajaan Melayu?

- A Peningkatan eksport getah dan bijih timah
- B Kapal dagang tidak dapat berlabuh di pelabuhan lama
- C Wujudnya petempatan dan bandar baharu di kawasan perlombongan
- D Perkembangan industri eksport kelapa sawit dan getah di sekitar kawasan pelabuhan